

### **Program Jangkauan Kesedaran**

Bagi mempertingkatkan kesedaran ibu bapa terhadap penggunaan *Parental Control Tools* serta kepentingan mengawal dan memantau kanak-kanak di internet secara amnya, pihak SKMM telah menggerakkan inisiatif berbentuk kesedaran di seluruh negara, bagi tujuan mendidik dan menggalakkan masyarakat agar mengamalkan kawalan sendiri, menggunakan Internet secara positif, serta memupuk budaya penggunaan media baharu secara bijaksana, menerusi program “Klik Dengan Bijak” (KDB).

Salah satu mesej utama yang disampaikan melalui program KDB menekankan kepentingan peranan ibubapa untuk melakukan “*smart parenting*” dalam melindungi kanak-kanak semasa dalam talian khususnya daripada aspek kawal selia dan kesedaran tentang bahaya *online grooming* dan *sexting*. Penekanan ini bertujuan memupuk kesedaran dan kewaspadaan terhadap eksploitasi kanak-kanak melalui medium Internet.

### **Kolaborasi Strategik bersama Kementerian/Agensi lain**

Pihak SKMM juga melakukan kolaborasi strategik dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dan UNICEF dalam menganjurkan satu persidangan serantau mengenai Perlindungan Kanak-Kanak Dalam Talian (“*Child Online Protection*” dengan izin), yang bertujuan untuk mempromosikan keselamatan di kalangan kanak-kanak dalam mengakses kandungan dan perkhidmatan maklumat dalam talian.

RT27/345

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS : TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK  
DARIPADA ABDUL AZIZ [ PASIR MAS ]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

**Tuan Nik Mohamad Abduh Bin Nik Abdul Aziz [ Pasir Mas ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kebenaran yang diberikan kepada para guru dan sekolah dalam penglibatan dengan aktiviti atau program berkaitan politik.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Pelibatan guru dalam politik tertakluk kepada Pekeliling Perkhidmatan semasa Kerajaan yang hanya membenarkan guru akademik biasa dalam gred DG41 hingga DG48 yang tidak memegang apa-apa jawatan dalam pentadbiran untuk melibatkan diri secara aktif dalam bidang politik. Guru tersebut perlu mendapat kelulusan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan tertakluk kepada Peraturan 4(1), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 serta Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.5/1999 yang menegaskan bahawa semua kakitangan dan pegawai perkhidmatan pendidikan dilarang terlibat dalam aktiviti anti-kerajaan.

RT27/345